SIKAP DAN PERSEPSI TERHADAP PEMBELAJARAN BAHASA JEPUN DI KALANGAN MAHASISWA UKM

NATSUE HIEDA
hieda@ukm.my

MASERAH SHABUDIN
masera@ukm.my

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Makalah ini mengenal pasti sikap dan perspektif terhadap bahasa Jepun sebagai bahasa asing di kalangan mahasiswa kursus bahasa Jepun di UKM. Pendekatan analisis kandungan dimanfaatkan bagi menganalisis data kajian yang bersifat kualitatif yang diperolehi melalui kaedah soal selidik dengan penglibatan seramai 26 orang responden. Kajian ini dijalankan bersandarkan Model Sosiopendidikan yang dikemukakan oleh Gardner. Hasil kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya responden mempunyai sikap positif terhadap pembelajaran bahasa Jepun disebabkan mereka mempunyai kedua-dua orientasi integratif dan orientasi instrumental yang positif. Kedua-dua orientasi yang positif tersebut mempengaruhi sikap terhadap pembelajaran bahasa Jepun. Namun, kedua-dua pelajar Melayu dan Cina menonjolkan kesukaran dalam pembelajaran tatabahasa dan kosa kata bahasa Jepun. Walau bagaimanapun, pelajar Cina bersikap positif terhadap ciri bahasa Jepun disebabkan banyak ciri persamaan antara bahasa Jepun dengan bahasa ibunda mereka. Pelajar Melayu pula menunjukkan kedua-dua orientasi integratif dan instrumental yang positif kerana responden berbangsa Melayu cenderung untuk meneroka dunia yang baru serta mempercayai manfaat menguasai bahasa Jepun. Sebagai kesimpulan, pelajar bahasa Jepun di UKM bersikap positif terhadap bahasa Jepun, dan seterusnya menunjukkan motivasi untuk mempelajari bahasa.

Kata kunci: sikap bahasa, mahasiswa Malaysia, bahasa Jepun, bahasa asing, Model Sosiopendidikan

ABSTRACT

The objective of this study is to investigate UKM's students' attitudes towards learning Japanese as a foreign language. A qualitative research design is utilized in this study. The data was collected using a set of questionnaire. A total of 26 students were involved in the qualitative study to give their personal experiences and opinions. It was then deliberated through content analysis. This study was conducted based on the Socio-educational Model presented by Gardner. The findings of the study showed positive attitudes towards Japanese language learning both in integrative and instrumental orientations. But, both Malay and Chinese students protruded some difficulties in mastering Japanese grammar and vocabularies. However, Chinese students have positive attitudes towards the characteristics of Japanese language because of the similarities with their mother tongue. Malay students, on the other hand, show positive in both integrative and instrumental orientations because they tend to explore the new world and believe in the advantages of Japanese language proficiency. As a conclusion, the students taking Japanese courses in UKM show positive attitudes towards learning Japanese language and are motivated to learn Japanese.

Keywords: *language attitudes, Malaysian students, Japanese language, foreign language, Socio-educational model*

PENDAHULUAN

Pada zaman globalisasi hari ini, keperluan menguasai bahasa asing menjadi semakin penting. Justeru itu, ramai pelajar di pelbagai institusi awam mahupun swasta tidak melepaskan peluang untuk mengambil subjek bahasa asing sebagai kursus wajib atau elektif. Sakuragi (2006) mengenal pasti faedah menguasai bahasa asing terbahagi kepada dua. Faedah pertama ialah faedah ketara yang diperolehi apabila seseorang boleh bertutur dalam bahasa asing. Contohnya, menjalankan rundingan dengan lancar atau memahami dokumen dalam urusan pekerjaan tanpa memerlukan penterjemah atau orang tengah. Faedah kedua adalah dari sudut perkembangan pemikiran dan ilmu apabila mempunyai pengalaman dan pertimbangan dari sudut budaya yang berbeza. Sehubungan dengan itu, keistimewaan mempelajari dan menguasai bahasa asing merupakan satu merit dan nilai tambah dalam era globalisasi pada hari ini.

Sebagai bahasa yang dipelajari di 133 buah Negara, membuktikan bahawa bahasa Jepun merupakan salah satu bahasa yang penting di dunia. Bahasa Jepun juga banyak dipelajari khususnya di kawasan Asia Timur (Korea dan China) dan Asia Tenggara. Secara ringkas, bilangan pelajar yang mempelajari bahasa Jepun sebagai bahasa asing semakin meningkat dari tahun ke tahun. Pada tahun 2009 sahaja, bilangan pelajar bahasa Jepun telah melebihi 3.6 juta orang di seluruh dunia. Secara umumnya, kekuatan ekonomi dan teknologi tinggi yang dimiliki oleh negara Jepun menjadi daya penarik untuk orang ramai mempelajari bahasa Jepun pada sekitar tahun 1990-an. Namun pada hari ini, senario tersebut telah berubah. Budaya popular negara matahari terbit ini, khususnya yang berbentuk hiburan seperti animasi, drama, dan lagu telah menarik perhatian ramai masyarakat dunia untuk mempelajari bahasa dan budaya negara Jepun (The Japan Foundation 2009).

Pendidikan bahasa Jepun sebagai bahasa asing di Malaysia bermula pada tahun 1966 di Universiti Malaya. Sejak itu, pendidikan bahasa Jepun di Malaysia terus berkembang dari tahun ke tahun. Secara lebih konkrit, pada tahun 2009, seramai 22 ribu orang pelajar secara rasmi mengikuti kursus bahasa Jepun di institusi-institusi di Malaysia. Berdasarkan data yang dikutip pada bulan Mei 2010, sebanyak 48 buah sekolah berasrama penuh, 37 buah sekolah menengah dan 16 buah universiti kerajaan menawarkan kursus bahasa Jepun. Selain itu, terdapat lima institusi pengajian tinggi yang menyediakan program khas sebagai persediaan sebelum para pelajar Malaysia memasuki kolej atau universiti di Jepun (The Japan Foundation 2011).

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mula memperkenalkan kursus bahasa Jepun pada tahun 1975. Kini, selain dari bahasa Jepun, terdapat beberapa kursus bahasa asing yang lain, iaitu bahasa Mandarin, Korea, Thai, Arab, Perancis, Sepanyol dan Jerman di bawah Unit Bahasa Asing dan Terjemahan, Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Para pelajar yang ingin mengikuti kursus bahasa Jepun boleh mengambilnya sebagai salah satu kursus pilihan. Pada setiap semester, terdapat kira-kira 200 orang pelajar mengikuti kursus bahasa Jepun di UKM.

Semenjak diperkenalkan di UKM, kursus bahasa Jepun merupakan antara kursus bahasa asing yang paling popular. Kepopularan ini pernah dijelaskan oleh pengajar kursus bahasa Jepun di UKM dengan menceritakan perihal semasa pendaftaran kursus bahasa Jepun. Menurut Thaiyibah (1999), sebelum pendaftaran melalui laman sesawang diperkenalkan, ada antara para pelajar yang sanggup datang seawal 4 pagi dan terpaksa berbaris panjang untuk pendaftaran yang dibuka pada pukul 9 pagi. Maserah et al. (2010) mengatakan bahawa situasi yang serupa terus berlaku walaupun selepas pendaftaran dalam talian dimulakan pada tahun 2000. Menurut beliau, pendaftaran melalui sistem pendaftaran berkomputer, bagi kursus bahasa Jepun penuh hanya selepas beberapa jam dibuka walaupun para pelajar diberikan tempoh dua minggu untuk pendaftaran mereka. Senario ini berterusan sehinggalah pada hari ini. Walaupun pendaftaran secara atas talian telah penuh, namun masih banyak permohonan rayuan secara manual dikemukakan oleh pelajar supaya mereka juga dipertimbangkan untuk mengikuti kursus ini.

OBJEKTIF DAN LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sikap terhadap bahasa Jepun sebagai bahasa asing di kalangan mahasiswa yang mengikuti kursus bahasa Jepun di UKM. Mahasiswa UKM boleh mengambil kursus bahasa Jepun sebagai salah satu subjek elektif, maka boleh diandaikan secara umum bahawa mereka mempunyai sikap positif terhadap bahasa Jepun. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan memfokuskan pengalaman dan pendapat responden secara individu.

Terdapat banyak kajian berkenaan sikap terhadap bahasa Jepun sebagai bahasa asing, namun kajian berkenaan ‘sikap’ masih tidak mencapai peringkat yang mendalam. Kebanyakan kajian lebih tertumpu pada ‘motivasi’ (Nakagawa 2001; Oxford & Shearin 1994; Takagishi 2000) atau ‘pencapaian bahasa’ (Guo & Okita 2001; Guo & Quan 2006; Narita 1998) dan hanya membicarakan ‘sikap’ sebagai sebahagian daripada dapatan kajian mereka. Kajian yang menumpukan sikap juga lebih cenderung membincangkan jenis orientasi yang lebih positif, sama ada orientasi integratif atau orientasi instrumental tanpa penjelasan faktor yang membentuk orientasi tersebut dengan mendalam (Mao & Fukuda 2010; Muhammad Alif 2005). kajian berkenaan persepsi terhadap penutur bahasa Jepun atau negara Jepun yang masih lagi terhad (Kano 1996; Ko 1995; Nakagawa 2001; Oh 2008; Yoshino et al. 2003) menyebabkan kajian tersebut masih kurang dari segi kuantiti mahupun kualiti. Secara ringkasnya, responden yang mempunyai sikap positif adalah dari negara-negara di Asia Tenggara kerana kawasan tersebut banyak ditawari pekerjaan yang berkaitan dengan syarikat Jepun. Manakala responden yang berasal dari Korea dan China lebih cenderung bersikap negatif disebabkan pengalaman pahit semasa zaman peperangan serta mempunyai hubungan dingin antara kedua-dua negara (Yoshino et al. 2003). Walau bagaimanapun, kebanyakkan kajian berkenaan sikap dijalankan secara kuantitatif, iaitu membuat kajian soal selidik dan menganalisis datanya secara statistik.

Oleh yang demikian, kajian secara kualitatif dijalankan supaya dapat menghuraikan sikap terhadap bahasa Jepun dengan lebih lengkap dan sempurna. Seperti yang dinyatakan oleh Neustupný dan Miyazato (2002), setiap metodologi mempunyai kelebihan atau kekurangan masing-masing, maka kajian kualitatif ini boleh melengkapkan kekurangan metodologi kajian kuantitatif.

KERANGKA KAJIAN

Kajian ini bersandarkan kerangka sikap bahasa (Agheyisi & Fishman 1970) dan Model Sosiopendidikan (Gardner 2001). Sikap bahasa adalah salah satu konsep yang penting dalam bidang sosiolinguistik. Agheyisi dan Fishman (1970) membahagikan sikap bahasa kepada tiga komponen, iaitu pemikiran, penilaian dan keinginan. Kenyataan ini selaras dengan hal yang diterangkan oleh Teo (1998) seperti Jadual 1.

Jadual 1 Tiga komponen terhadap sikap bahasa

Komponen	Huraian
Pemikiran	Yang terdiri daripada segala macam pengetahuan yang ada pada seseorang itu tentang sesuatu yang ingin dinilai. Pengetahuan ini terdiri daripada apa-apa yang dikenal sebagai kepercayaan.
Penilaian	Merupakan bahagian yang paling penting tentang sikap. Di sinilah sentimen, yakni emosi dikaitkan dengan kepercayaan.
Keinginan	Komponen-komponen pemikiran dan penilaian menentukan komponen ini. Di sini kepercayaan dan nilai emosi berubah menjadi tingkah laku.


Seterusnya, kajian yang menumpukan sikap bahasa dalam konteks pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing dilakukan oleh Gardner dan Lambert (1959, 1972), iaitu ahli sosio-psikologi di Kanada. Mereka membahagikan sikap bahasa kepada dua, iaitu orientasi integratif dan orientasi instrumental. Menurut Gardner dan Lambert (1972: 14), orientasi integratif merujuk kepada "*a willingness or a desire to be like representative members of the other language community*", manakala orientasi instrumental dinyatakan sebagai "*a desire to gain social recognition or economic advantages through knowledge of a foreign language*". Dalam erti kata lain, orientasi integratif berkait rapat dengan minat yang akan membentuk hubungan individu dengan penutur bahasa sasaran, manakala orientasi instrumental berhubung dengan keuntungan yang praktikal.

Gardner dan Lambert (1972) mendapati bahawa sikap bahasa, sama ada positif atau negatif, mempengaruhi motivasi mahupun pencapaian bahasa yang berkenaan. Menurut Teo (1998), pelajar yang bersikap positif dan berorientasi integratif mempunyai motivasi yang lebih tinggi, lebih berusaha dan lebih banyak menawarkan diri di dalam kelas. Oleh itu, pelajar

ini dapat mencapai keputusan peperiksaan yang lebih baik berbanding pelajar yang bersikap negatif dan berorientasi instrumental.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kajian yang menunjukkan keputusan yang berlainan dengan kajian yang dilakukan oleh Gardner dan Lambert (1972) tersebut. Kajian berkenaan sikap terhadap 'bahasa kedua' di 'negara membangun', misalnya bahasa Inggeris di Asia Tenggara (Gardner & Lambert 1972; Lukmani 1972; Oller et al. 1977; Rajagopal 1976) atau bahasa Yahudi di Israel (Abu-Rabia 1998), mendapati bahawa orientasi instrumental lebih berkesan untuk motivasi serta pencapaian bahasa.

Berdasarkan pelbagai dapatan kajian, Gardner (2001) secara rasmi memperkenalkan Model Sosiopendidikan (*Socio-educational Model*) yang telah diubah suai daripada gagasan sebelumnya seperti Rajah 1.



Rajah 1 Model Sosiopendidikan yang diubah suai (Gardner 2001)

Menurut Gardner (2001), terdapat empat fasa yang penting dalam Model Sosiopendidikan, iaitu Pengaruh Luaran, Perbezaan Individu, Konteks Pemerolehan Bahasa dan Hasil.

Kajian ini mementingkan empat jenis pemboleh ubah dalam fasa pertama dan fasa kedua Model Sosiopendidikan seperti yang digambarkan dalam rajah 1, iaitu Sejarah, Keintegratifan (INT), Motivasi (MOT) dan Faktor Motivasi Yang Lain. Kajian ini memberi perhatian kepada sikap, tetapi tidak menumpukan hubungan antara motivasi dan pencapaian bahasa. Oleh itu, jenis pemboleh ubah yang lain, seperti Sikap Terhadap Situasi Pembelajaran (SSP) yang menilai tenaga pengajar dan kurikulum kursus, tidak dititikberatkan dalam kajian ini.

Seterusnya pemboleh ubah yang dikaji dijelaskan berasaskan huraian Gardner. Sejarah merujuk kepada elemen-elemen yang mengembangkan latar belakang dan sejarah peribadi, seperti pengalaman lampau, ahli-ahli keluarga serta budaya dan masyarakat sekitar. Pemboleh ubah Sejarah dalam fasa permata mempengaruhi Keintegratifan (INT: *Integrativeness*).

Dalam model ini, pemboleh ubah Keintegratifan (INT) melibatkan orientasi integratif terhadap para penutur bahasa sasaran, mahupun golongan yang lain secara umum. Pendek kata, Keintegratifan bersifat kompleks yang mengandungi konsep penyatuan dengan golongan selain komuniti sendiri secara psikologi. Motivasi (MOT) merujuk kepada motivasi terhadap pembelajaran bahasa sasaran. Berdasarkan Gardner (2001), motivasi boleh ditentukan melalui tiga elemen, iaitu usaha, hasrat dan perasaan. Gabungan tiga pemboleh ubah dalam fasa kedua, iaitu Keintegratifan (INT), Sikap Terhadap Situasi Pembelajaran (SSP) dan Motivasi (MOT), membentuk Motivasi Integratif. Motivasi Integratif dianggap sebagai elemen yang terpenting dalam Model Sosiopendidikan kerana motivasi tersebut mencerminkan minat yang sejati terhadap pembelajaran bahasa kedua dengan mendekatkan diri dengan komuniti yang lain secara psikologi. Orientasi instrumental boleh dikategorikan sebagai Faktor Motivasi Yang Lain dalam fasa kedua. Menurut Gardner (2001) lagi, gabungan faktor instrumental dan motivasi boleh dilabelkan sebagai Motivasi Instrumental.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menyediakan sejenis borang soal selidik sebagai kajian kualitatif. Borang soal selidik tersebut mengandungi soalan-soalan yang berbentuk terbuka supaya membolehkan responden menceritakan pengalaman atau pendapat peribadi secara lebih bebas. Bahagian berikut menerangkan struktur dan kandungan borang soal selidik yang disediakan secara terperinci.

Set soalan terdiri daripada dua bahagian, iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A menandakan butiran umum responden asas, seperti jantina, bangsa, bahasa ibunda, tahun pengajian dan fakulti. Bahagian B pula bertanya berkenaan pengalaman dan pendapat secara individu tentang pembelajaran bahasa Jepun. Ruang untuk diisi bagi setiap soalan dalam Bahagian B disediakan sebanyak enam baris agar responden memberi jawapan dengan panjang serta terperinci. Butir soalan bagi Bahagian B terdiri daripada lapan item seperti berikut.

B1. Sejak bila anda mempunyai minat terhadap bahasa Jepun? Apa pengaruhnya?
B2. Bagaimana anda mendapatkan informasi tentang budaya dan masyarakat Jepun?
B3. Apakah sebab utama yang menyebabkan anda mengambil kursus bahasa Jepun di UKM?
B4. Apakah elemen yang menyebabkan anda berasa gembira/seronok belajar bahasa Jepun?
B5. Apakah elemen yang menyebabkan anda berasa susah/sukar belajar bahasa Jepun?
B6. Selain dari kerja rumah atau latihan yang diberi oleh pengajar bahasa Jepun di UKM, apakah anda lakukan untuk meningkatkan kemahiran bahasa Jepun?
B7. Sekiranya anda mempunyai kawan dari Jepun, bagaimana anda boleh berkenalan dengannya?

B8. Selepas menamatkan pembelajaran di UKM, adakah anda ingin menyambung pelajaran bahasa Jepun? Nyatakan mengapa.

Secara keseluruhan, borang soal selidik bagi kajian ini terdiri daripada dua muka surat, tidak termasuk muka surat hadapan.

Responden bagi kajian ini terdiri daripada pelajar yang mengikuti kursus Bahasa Jepun Pertengahan I (SKVA2733) dan Bahasa Jepun Pertengahan II (SKVA2743) pada semester 1 sesi akademik 2011/2012. Mereka adalah pelajar daripada pelbagai fakulti yang telah mempelajari bahasa Jepun sebagai salah satu subjek elektif selama 100 sehingga 150 jam di UKM.

Soal selidik bagi kajian ini merupakan salah satu soal selidik kendalian kumpulan, iaitu soal selidik yang dilakukan apabila responden berada dalam satu kumpulan. Secara lebih konkrit, sesi untuk menjawab borang soal selidik bagi kajian ini diluangkan dalam kelas bahasa Jepun di UKM dengan menggunakan waktu mengajar selama 30 minit. Cara mengutip data tersebut boleh mengatasi masalah yang akan timbul bagi soal selidik kendalian sendiri. Misalnya, pengkaji boleh memastikan keadaan apabila soal selidik diisi oleh responden. Pengkaji juga boleh menerangkan sekiranya terdapat sesuatu soalan yang dikemukakan daripada responden. Di samping itu, kadar pemulangan kertas jawapan soal selidik adalah amat tinggi.

Sebelum dua minggu kajian sebenar dijalankan, satu kajian rintis telah diadakan bagi memperbaiki dan meningkatkan kesahihan instrumen sebelum instrumen dikemukakan kepada semua responden. Seramai enam orang pelajar yang mengikuti kursus Bahasa Jepun Pertengahan II (SKVA2743) telah dipilih sebagai responden. Responden diminta mengisi ruang yang disediakan dalam borang soal selidik dalam waktu kelas bahasa Jepun. Set soalan yang dikehendaki membuat karangan memerlukan masa yang lebih panjang berbanding set soalan yang hanya memerlukan pelajar menandakan (√) sahaja. Apabila pengkaji meminta responden untuk menjawab secara terperinci dengan memberikan contoh-contoh yang konkrit, terdapat responden yang menulis jawapan dengan lebih panjang. Tiada masalah yang besar dihadapi dari segi pelajar memahami soalan-soalan yang disediakan. Akhirnya, semua item soalan yang disediakan dapat dibaca dengan jelas dan mudah difahami. Bilangan responden yang terhad bagi kajian ini menyebabkan data yang didapati sebagai kajian rintis harus digabungkan bersama dengan data yang lain untuk menganalisis pada peringkat seterusnya.

Kajian kualitatif ini dijalankan melalui kaedah analisis kandungan. Penghuraian yang dikarang oleh responden, diberikan kod berdasarkan pemboleh ubah dalam Model Sosiopendidikan yang diguna pakai. Misalnya, penghuraian tentang minat terhadap animasi Jepun dikategorikan sebagai penghuraian yang menunjukkan orientasi integratif, khususnya minat terhadap budaya popular masyarakat Jepun. Penghuraian yang telah diberikan kod, seterusnya disusun dengan teratur untuk memastikan serta mengukuhkan model yang telah dipilih.

HASIL KAJIAN

Bahagian ini meneliti data kualitatif yang dihuraikan oleh responden berkenaan sikap terhadap bahasa Jepun. Bahagian ini juga meneliti perbezaan sikap berdasarkan bangsa, iaitu perbezaan antara bangsa Melayu dengan bangsa Cina.

Terdapat seramai 26 pelajar sebagai responden dalam kajian ini yang terdiri daripada 20 pelajar berbangsa Cina dan enam pelajar berbangsa Melayu. Pelajar berbangsa Cina menunjukkan golongan terbesar yang mengikuti kursus ini pada setiap semester di UKM (Hieda et al. 2009; Maserah et al. 2010). Bagi pelajar berbangsa Cina, faktor keserumpunan genetik dan bahasa telah menarik minat para pelajar mempelajari bahasa Jepun. Bahasa Jepun dan bahasa Korea sebahagian besarnya dibentuk dan dipengaruhi oleh bahasa Cina (Nor Hashimah & Zaharani 2011). Oleh yang demikian, ciri persamaan linguistik antara kedua-dua bahasa tersebut memudahkan proses pembelajaran, sekali gus membentuk sikap yang positif terhadap bahasa Jepun.

Dari segi minat pula, kebanyakan responden menyatakan bahawa minat mereka terhadap bahasa Jepun tercetus semenjak mereka masih kecil atau dari sekolah menengah lagi. Terdapat penghuraian seperti “Saya ingin ambil kursus bahasa Jepun sejak kecil lagi, tetapi sekolah rendah dan menengah saya tidak menawarkan kursus ini, oleh itu, saya ambil kursus ini sejak saya tahu kursus ini ditawarkan di UKM” dan “Masa saya diberikan peluang untuk memilih apa yang perlu dipilih sebagai pilihan bebas, saya terus memikir saya akan pilih bahasa Jepun walaupun banyak orang mengatakan bahawa bahasa Jepun adalah susah”. Namun, kini, semakin banyak sekolah menengah di Malaysia menawarkan kursus bahasa Jepun, maka pada masa yang akan datang, dijangka lebih ramai pelajar berpeluang mempelajari bahasa Jepun sebelum memasuki peringkat universiti.

Minat para pelajar terhadap bahasa Jepun banyak dipengaruhi oleh budaya popular masyarakat Jepun seperti animasi, drama dan lagu yang didedahkan kepada mereka semenjak kecil lagi. Hampir semua responden bersetuju bahawa mereka memang suka menonton animasi di televisyen dan membaca dalam bentuk media cetak seperti komik atau drama Jepun. Dapatan ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Yamato et al. (2010), yang menyatakan bahawa pelajar UPM yang mengambil kursus bahasa Jepun merupakan pelajar yang aktif menggunakan produk budaya popular dan berusaha menerapkan apa yang ditonton, didengar dan dibaca di dalam pembelajaran bahasa Jepun. Pada hari ini, kepopularan animasi Jepun menular di seluruh dunia. Contohnya, di kawasan Asia Tenggara, animasi yang popular ‘*Doraemon*’ disiar sejak 1980-an lagi. Watak *Doraemon* ciptaan kartunis Fujiko F. Fujio ini adalah ikon budaya dan dapat mendekatkan masyarakat dunia dengan budaya, gaya hidup dan cara berfikir rakyat negara matahari terbit itu. Selain itu, banyak animasi yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Cina, bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan lain-lain masih diimport dan diminati sehingga kini (Kumano & Hirokaga 2008).

Faktor minat terhadap budaya popular Jepun tersebut berkait rapat dengan orientasi integratif. Selain daripada minat terhadap budaya popular tersebut, terdapat juga banyak penghuraian berkenaan orientasi integratif seperti “… ingin melancong ke Jepun sekurang-kurangnya sekali jika ada peluang”, “… dapat berbual dengan orang Jepun” dan “… berminat untuk

mengetahui tradisi orang Jepun". Penggabungan elemen-elemen yang boleh berhubung dengan budaya dan masyarakat Jepun membentuk orientasi integratif yang positif bagi responden.

Terdapat beberapa penghuraian berkenaan persepsi terhadap orang Jepun yang menunjukkan sikap positif responden. Misalnya "Saya amat tertarik dengan cara orang Jepun berbahasa iaitu amat mementingkan kesopanan ketika bercakap", "… semangat orang Jepun yang tidak membazirkan masa", "cara hidup orang Jepun yang proaktif dan rajin … mereka bekerja secara bertungkus-lumus untuk menghadapi standard hidup yang tinggi", "… sukakan budaya orang Jepun yang gigih dan sopan" dan "saya rasa orang Jepun sangat berdisiplin tidak kira di mana-mana tempat". Berkenaan sikap terhadap negara Jepun pula, seorang responden mengatakan bahawa "minat dengan budaya dan sejarah perkembangannya".

Dapatan tersebut memaparkan bahawa responden secara langsung menunjukkan keintegratifan yang tinggi terhadap para penutur bahasa Jepun. Terutamanya, sifat 'sopan' dan 'rajin' disetujui oleh responden. Kedua-dua sifat tersebut penting semasa melancarkan hubungan antara manusia dengan manusia serta bekerja sebagai seorang profesional. Perseptif yang baik terhadap orang Jepun serta negara Jepun mencerminkan pemikiran, nilai serta identiti responden sebagai generasi muda rakyat Malaysia. Kenyataan responden juga menunjukkan bahawa mereka cenderung untuk memandang tinggi terhadap budaya dan masyarakat Jepun. Hal ini disebabkan orang Jepun dan negara Jepun membawa imej yang dapat dihormati. Senario ini berbeza dengan persepsi generasi tua di Malaysia yang pernah mengalami pengalaman pahit dijajah oleh Jepun pada tahun 1941 (Mori 2003), dan generasi muda di Korea yang selalu diajari dan didedahkan dengan peristiwa kezaliman tentera Jepun sewaktu peperangan dan sepanjang penjajahan Jepun di Korea (Ko 1995). Walaupun negara Jepun pernah menjajah Tanah Melayu (Disember 1941 - Januari 1942) semasa Perang Dunia Kedua dan memerintah secara kejam terutamanya terhadap bangsa Cina kerana hubungan dingin antara negara Jepun dan Cina pada ketika itu, namun hal tersebut sedikitpun tidak menghalang atau melemahkan minat pelajar Cina terhadap bahasa dan budaya Jepun pada hari ini.

Seterusnya, responden menyatakan bahawa persepsi positif terhadap orang Jepun serta negara Jepun dibentuk melalui perkara yang mereka lihat atau dengar, khususnya melalui media massa. Selain daripada televisyen, surat khabar dan majalah, ramai responden menjawab mereka menerima maklumat tentang Jepun melalui internet termasuk laman web, Facebook mahupun Blog. Pelajar Malaysia yang mampu menguasai pelbagai bahasa mempunyai kelebihan semasa mencari maklumat mengenai negara luar, terutamanya maklumat yang dihasilkan dalam bahasa Cina dan bahasa Inggeris. Tiada responden yang menonjolkan bahawa pengajaran di sekolah menjadi sumber maklumat yang penting berkenaan negara Jepun. Keadaan ini bertentangan dengan pendidikan sejarah di negara Korea yang amat menekankan kekejaman tentera Jepun semasa perang. Terdapat buku teks sejarah di Korea yang menghuraikan kekejaman tentera Jepun semasa penjajahan Jepun sehingga 40 muka surat (Ko 1995).

Penghuraian berkenaan persepsi terhadap ciri bahasa Jepun turut diberikan perhatian. Dari sudut perasaaan atau emosi, responden suka

mendengar percakapan orang Jepun kerana “gaya percakapan orang Jepun yang pantas adalah seronok” dan “saya lebih suka mendengar suara Jepun sebab lebih sedap walaupun tidak faham maksudnya, yang lepas *translate* punya tidak sedap dengar”. Walaupun begitu, ramai responden menyentuh kesukaran pembelajaran bahasa Jepun dari segi keempat-empat aspek linguistik, iaitu sebutan, tulisan, kosa kata dan tatabahasa. Misalnya, “sukar bertutur dengan intonasi yang tepat”, “*pronunciation* memang susah bagi saya sebab kadangkala tinggi, kadangkala rendah”, “kosa kata susah untuk diingat”, “kosa kata yang banyak amat keliru”, “*grammar* sangat susah untuk difahami” dan “saya masih keliru dalam penggunaan partikel”. Walaupun, responden berasa bahasa Jepun susah dikuasai, mereka masih menunjukkan semangat seperti “tatabahasa yang rumit tetapi menarik untuk dipelajari”. Apabila sistem tulisan Jepun diberikan tumpuan, pelajar Melayu mengatakan bahawa “tulisan kanji (tulisan Cina di Jepun) yang baru belajar buat saya susah untuk mengingatinya”. Pelajar berbangsa Cina yang telah mempelajari tulisan Cina juga menunjukkan kesukaran menguasai tulisan Jepun kerana “cara bacaan kanji berbeza dengan tulisan dalam bahasa Jepun dan bahasa Cina walaupun tulisan sama” dan “cara tulis kanji juga susah kerana terdapat perbezaan dengan bahasa Cina”. Namun begitu, kesukaran dalam mempelajari bahasa Jepun ini tidak menghalang para pelajar untuk melanjutkan pengajian bahasa Jepun ke peringkat seterusnya. Keadaan ini terbukti kerana kursus bahasa Jepun ditawarkan sehingga ke tahap empat atau lima setiap semester di UKM berbanding bahasa asing lain yang ditawarkan hanya pada tahap dua atau tiga sahaja.

Orientasi integratif yang positif menyebabkan ramai responden bersemangat untuk menyambung pembelajaran bahasa Jepun pada masa hadapan. Sesetengah responden menyatakan “… ingin belajar sehingga boleh menulis dan bertutur dengan fasih” atau “… tidak ingin belajar separuh jalan sahaja”. Terdapat beberapa orang responden yang menafikan penyambungan pembelajaran disebabkan kekangan masa, seperti “saya ada JPA *scholarship*, akan kerja dahulu” dan “saya takut tidak mempunyai masa yang berlebihan”. Tiada responden yang menyatakan ingin berhenti pembelajaran bahasa Jepun disebabkan kehilangan minat. Terdapat seorang responden yang menyatakan “… melihatkan kepada kadar kemampuan diri”. Analisis ini memperlihatkan bahawa kekangan dari segi masa dan sama ada situasi yang mengizinkan atau tidak menjadi kebimbangan bagi meneruskan proses pembelajaran bahasa Jepun pada masa yang akan datang.

Menurut Gardner (2001), tiga elemen penting, iaitu usaha, hasrat dan perasaan, berkait rapat dengan motivasi pelajar. Dapatan kategori ini boleh dikaitkan dengan pemboleh ubah Motivasi dalam Model Sosiopendidikan. Sikap harus dibezakan dengan motivasi, walaupun sikap dan motivasi berkait rapat antara satu sama lain. Walaupun seseorang bersikap positif terhadap komuniti Jepun, dia tidak semestinya mempunyai motivasi untuk mempelajari bahasa Jepun. Oleh yang demikian, pemboleh ubah Motivator dan Sikap Terhadap Situasi Pembelajaran (SSP) adalah penting semasa menentukan tahap kekuatan motivasi para pelajar.

Seterusnya, dihuraikan pula mengenai sikap terhadap pembelajaran bahasa Jepun. Kajian mendapati bahawa walaupun ramai responden berpendapat bahawa kosa kata dan tatabahasa Jepun agak susah dipelajari,

namun mereka yang bersikap positif menunjukkan usaha untuk menguasai bahasa Jepun. Misalnya, "… sentiasa melatih diri untuk menyebut perkataan-perkataan bahasa Jepun berulang kali agar saya mudah mengingati", "… menonton *anime* Jepun tanpa *subtitle*. Kalau tidak faham tukar *subtitle* Jepun, tidak faham lagi tukar *subtitle* Cina", "Saya mendengar radio internet sebagai latihan pendengaran setiap hari" dan "… kadangkala bercakap bahasa Jepun dengan kawan". Mereka yang suka menonton animasi atau drama Jepun sebagai hiburan berasa gembira apabila "… boleh memahami maksud walaupun tidak melihat *subtitle*". Walau bagaimanapun, mereka yang mengambil bahasa Jepun sebagai salah satu subjek elektif, selalu menghadapi masalah kekangan masa seperti "… terlalu banyak *assignment*, tutorial serta projek dan aktiviti kokurikulum menyebabkan masa belajar saya menjadi kurang". Selain itu, kurang mengamalkan bahasa Jepun di luar kelas menyebabkan responden berasa "… lemah dalam perbualan dalam bahasa Jepun, susah untuk bercakap dengan pantas, perlu berfikir dahulu sebelum bertutur".

Berikut adalah penghuraian berkenaan orientasi instrumental. Responden berpendapat bahawa "penguasaan bahasa asing mempunyai kelebihan dalam persaingan dan kebaikan pada masa depan". Ramai responden bercita-cita jika diberi peluang untuk belajar di Jepun atau mendapat pekerjaan yang lebih baik. Misalnya responden menyatakan bahawa "bahasa Jepun boleh membantu dalam mencari pekerjaan terutamanya untuk syarikat swasta konglomerat", "bahasa tambahan yang dipelajari memberi manfaat jika bekerja di syarikat besar" dan "bahasa Jepun akan berguna kepada saya jika bekerja dengan syarikat Jepun di Malaysia". Selain daripada itu, penguasaan bahasa Jepun juga dipercayai dapat meningkatkan status sosial responden, misalnya "…mengajar rakan-rakan saya bahasa Jepun sebab mereka juga berminat bahasa ini", "bahasa Jepun merupakan satu bahasa asing yang agak popular di kalangan kaum Cina" dan "saya juga rasa bangga jika mengetahui bahasa Jepun".

Seterusnya perbezaan antara pelajar Melayu dan pelajar Cina diberi perhatian. Pelajar Cina bersikap lebih positif terhadap ciri bahasa Jepun kerana ciri persamaan antara bahasa Jepun dengan bahasa ibunda amat menarik minat pelajar Cina. Ramai responden dari kaum Cina menyatakan bahawa mereka berasa gembira dan seronok disebabkan "banyak tulisan kanji sama dengan bahasa ibunda saya". Ciri persamaan tersebut memudahkan proses pembelajaran bahasa Jepun bagi pelajar Cina.

Analisis mengenai pelajar dari kaum Melayu juga menunjukkan kedua-dua orientasi integratif dan instrumental yang positif. Mereka menyatakan bahawa "… ingin mencari satu kelainan … dapat menambahkan sesuatu yang tidak ada", "saya dapat menambah satu lagi *skill* di mana bagi saya ia amat penting sebagai seorang graduan" dan "bahasa Jepun akan menjadi satu aset kepada saya setelah bekerja nanti apabila saya diminta berurusan dengan pihak luar dengan menggunakan bahasa Jepun". Menerusi elemen web 2.0 seperti Facebook pada hari ini, terdapat juga pelajar Melayu yang telah berjaya menjalinkan persahabatan dengan rakan dari Jepun, "kini saya ada beberapa kawan dari Jepun yang saya hubungi melalui Facebook" dan "Saya mempunyai banyak teman dari Jepun (*pen pals*) yang selalu mencari teman luar negara".

Selain daripada faktor-faktor yang dinyatakan, terdapat juga penyataan berkenaan pemboleh ubah Motivator. Motivator merujuk kepada tenaga pengajar, rakan-rakan sekelas atau aktiviti-aktiviti kelas. Misalnya, "… apabila mengetahui guru yang mengajar bahasa Jepun adalah orang Jepun sendiri, saya terus bersemangat untuk mengambil kursus bahasa Jepun", "pada mulanya, untuk menemani kawan saya…", "suasana tempat belajar adalah seronok dan tiada tekanan", "... dalam kelas, banyak video atau gambar digunakan untuk mengajar telah menarik perhatian saya", "tenaga pengajar yang ceria", "kandungan pengajaran yang menarik" dan "belajar bersama kawan merupakan satu perkara yang seronok".

Seterusnya terdapat tiga orang responden yang menyatakan ada pengaruh daripada ahli keluarga. Antaranya ialah "desakan ayah yang menyuruh menyambung belajar bahasa Jepun sehingga boleh bercakap atau boleh memahami perkataan Jepun", "adik saya banyak membeli komik Jepun" dan "pengaruh daripada adik yang ditempatkan dalam kelas wajib bahasa Jepun di sekolahnya".

Secara keseluruhan, responden mempunyai orientasi integratif yang positif serta orientasi instrumental yang positif. Kedua-dua orientasi positif tersebut seterusnya menghasilkan sikap terhadap pembelajaran bahasa Jepun yang positif. Pelajar Cina bersikap positif terhadap ciri bahasa Jepun disebabkan banyak ciri persamaan dengan bahasa ibunda mereka. Pelajar Melayu pula menunjukkan kedua-dua orientasi integratif dan instrumental yang positif kerana mereka cenderung untuk menerokai dunia baru serta mempercayai kelebihan menguasai bahasa Jepun. Sikap positif pelajar berbangsa Melayu dan Cina terhadap bahasa Jepun mencetuskan minat untuk mereka mengambil kursus bahasa Jepun di UKM seterusnya mendorong keperingkat kemahiran yang lebih tinggi.

Kesimpulannya, analisis data kualitatif dapat menggambarkan situasi dan suasana pembelajaran bahasa Jepun responden dengan lebih konkrit dan baik. Di samping itu, Model Sosiopendidikan yang dikemukakan oleh Gardner (2001) juga dapat disokong oleh kajian ini.

Rumusan

Dapatan kajian ini boleh menjadi sumber rujukan kepada institusi/pusat pengajian bahasa, khususnya kepada tenaga pengajar bahasa Jepun. Keputusan kajian seperti mahasiswa UKM mempunyai sikap positif terhadap bahasa Jepun harus diberi perhatian serta dikembangkan pada masa hadapan. Pihak yang menawarkan kursus bahasa Jepun hendaklah menimbangkan keputusan kajian ini untuk meningkatkan kualitinya. Orientasi integratif yang positif yang dimiliki oleh para pelajar harus dipertahankan dan wajar dipertingkatkan dengan membuka lebih banyak peluang untuk pelajar berinteraksi dengan orang Jepun serta mempelajari budaya Jepun. Dalam erti kata lain, pengajar harus menonjolkan aspek budaya semasa sesi pengajaran dan tidak hanya menekankan aspek linguistik semata-mata. Aktiviti seperti pesta kebudayaan bahasa asing harus dijalankan di pusat pengajian bagi bertujuan memperkenalkan aspek budaya serta mendekatkan pelajar dengan golongan sasaran. Selain dari itu, orang Jepun yang sedang tinggal di Malaysia seperti mereka yang menyertai program Malaysia My Second Home

boleh dijadikan sumber rujukan dengan menceritakan pengalaman yang sebenar tentang cara kehidupan masyarakat di Jepun serta memberikan latihan perbualan. Di samping itu, kebimbangan terhadap tatabahasa bahasa Jepun yang dikatakan sukar dipelajari dapat dikurangkan dengan teknik mengajar yang lebih baik, misalnya membuat perbandingan antara bahasa Jepun dengan bahasa ibunda pelajar. Malahan, untuk meningkatkan tahap keyakinan bertutur dalam bahasa Jepun, latihan dalam bentuk komunikasi lisan harus dipertingkatkan dengan mengajar topik-topik yang dapat menarik perhatian pelajar.

Seterusnya, dapatan kajian ini juga memberi gambaran sikap warganegara Malaysia terhadap pembelajaran bahasa asing. Pelajar Malaysia yang telah menguasai banyak bahasa seperti bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Cina masih lagi menunjukkan minat untuk menguasai bahasa yang lain. Bagi mereka, penguasaan bahasa-bahasa tersebut yang biasa digunakan dalam masyarakat Malaysia tidak mencukupi dalam dunia global. Melalui pembelajaran bahasa Jepun sebagai bahasa asing, pelajar akan mendapat cara pemikiran serta pengetahuan yang baru. Mereka boleh membuka minda ke arah dunia yang baru, seterusnya menceriakan lagi hidup mereka sebelum menempuh alam pekerjaan. Tambahan pula, kajian ini juga menunjukkan bahawa bahasa asing selain bahasa Inggeris juga boleh meluaskan kebolehan pelajar untuk berhubung rapat dengan masyarakat luar dalam era globalda hari ini.

Selain daripada itu, dapatan kajian ini juga mencerminkan pemikiran, nilai serta identiti responden sebagai generasi muda rakyat Malaysia. Kepercayaan seperti penguasaan bahasa Jepun dapat meningkatkan status sosial responden menunjukkan bahawa responden cenderung untuk memandang tinggi budaya dan masyarakat Jepun. Hal ini disebabkan masyarakat dan negara Jepun membawa imej yang dapat dihormati serta dicontohi. Persepsi yang positif terhadap masyarakat serta negara Jepun boleh dikaitkan dengan konsep stereotaip etnobudaya (*ethnocultural stereotypes*). Haarmann (1989: 6) menjelaskan bahawa stereotaip etnobudaya merujuk kepada "*stereotyping images about foreign cultures*". Dalam erti kata lain, stereotaip etnobudaya merupakan satu tanggapan imej-imej stereotaip mengenai bahasa, budaya dan identiti etnik terhadap sesuatu negara. Kekaguman masyarakat Malaysia terhadap negara matahari terbit ini berkait rapat dengan kuasa ekonomi, teknologi yang moden dan tinggi, produk yang berkualiti serta budaya kerja masyarakat Jepun yang rajin, menepati masa dan berdisplin. Faktor ini dikuatkan lagi dengan budaya popular seperti animasi, lagu (J-pop) dan drama yang sekian lama meresap masuk dan menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat di Malaysia. Walaupun sejak kebelakangan ini fenomena atau demam *Hallyu* atau *Korean Wave* (Gelombang Korea) melalui pakej menyebarkan budaya pop Korea Selatan seperti bahasa, drama dan K-pop yang giat dipromosikan oleh kerajaan Korea Selatan (Nor Hashimah & Zaharani 2010) begitu menonjol sehingga menenggelamkan pengaruh budaya popular Jepun, namun kursus bahasa Jepun khususnya di UKM masih mendapat tempat dan masih menjadi antara kursus elektif yang popular di kalangan para mahasiswa. Boleh dirumuskan bahawa responden mempunyai stereotaip etnobudaya yang positif terhadap negara dan masyarakat Jepun.

Kajian ini juga menjadi satu kajian kes yang memaparkan sikap pelajar Malaysia terhadap bahasa Jepun sebagai bahasa asing. Dapatan kajian ini mengukuhkan Model Sosiopendidikan yang dikemukakan oleh Gardner.

KESIMPULAN

Kajian ini telah menyorot tentang sikap mahasiswa UKM dan implikasinya terhadap bahasa Jepun. Latar belakang responden dan pengalaman individu masing-masing membentuk sikap positif pada responden terhadap bahasa Jepun. Malah, sikap juga boleh dibentuk mengikut perkembangan persekitaran yang dilalui sejak zaman kanak-kanak. Responden yang bersikap positif terhadap bahasa Jepun diharap berjaya untuk mencapai matlamat masing-masing dengan menguasai bahasa Jepun dengan baik. Bahasa Jepun sebagai bahasa asing di Malaysia juga diharap dapat dipertahankan serta wajar diperkembangkan pada masa hadapan. Rakyat Malaysia dan rakyat Jepun diharap berkongsi pengalaman dan pengetahuan dalam pelbagai bidang, maju bersama-sama serta menjalinkan hubungan yang lebih akrab pada masa hadapan. Akhir sekali, dapatan kajian ini diharap memberi sumbangan dalam bidang kajian linguistik serta boleh diperkembangkan lagi pada masa hadapan.

RUJUKAN

Abu-Rabia, S. 1998. The learning of Hebrew by Israeli Arab students in Israel. *The Journal of Social Psychology* 138(3): 331-341.

Agheyisi, R. & Fishman, J. 1970. Language attitudes studies: A brief survey of methodological approaches. *Anthropological Linguistics* 15(5): 137-157.

Gardner, R. C. 2001. Language learning motivation: The student, the teacher, and the researcher. *Texas Papers in Foreign Language Education* 6(1): 1-18.

Gardner, R. C. & Lambert, W. E. 1959. Motivational variables in second-language acquisition. *Canadian Journal of Psychology* 13(4): 266-272.

Gardner, R. C. & Lambert, W. E. 1972. *Attitudes and Motivation in Second Language Learning*. Rowley, Mass: Newbury House Publishers, Inc.

Guo, J. & Okita, Y. 2001. Chinese-Singaporean university students' motivation to learn Japanese. *Journal of Japanese Language Teaching* 110: 130-139.

Guo, J. & Quan, J. 2006. Motivation of Chinese university students towards learning Japanese. *Journal of the International Exchange Support Center* 2: 118-128.

Haarmann, H. 1989. *Symbolic Values of Foreign Language Use: From the Japanese Case to a General Sociolinguistic Perspective*. Berlin and New York: Mouton de Gruyter.

Hieda, N., Normalis Amzah, Musaev, T. & Nezu, M. 2009. Result of survey on audio visual of teaching material for basic Japanese. *Proceedings of International Seminar of Japanese Language and Culture*, hlm. 111-117.

Kano, M. 1996. Language attitudes of Japanese learners of the Sinhalese in multi-lingual Sri Lankan society. *Bulletin of Language Science and Humanities* 10: 83-95.

Kumano, N. & Hirokaga, M. 2008. An examination of "ANIME & MANGA": Regional information overseas and Japanese-language materials. *Nihongo Kyouiku Kiyou* 4: 55-69.

Ko, K. 1995. Japan described in the Korean history education: Korea's image on Japan and Japan's image on Korea. *Bulletin of the Graduate School of Education, the University of Tokyo* 35: 11-19.

Lukmani, Y. M. 1972. Motivation to learn and language proficiency. *Language Learning* 22: 261–273.

Mao, H & Fukuda, M. 2010. A comparison on learning motivation between major Japanese learners in China and major Chinese learners in Japan. *Language and Culture* 23: 209-232.

Maserah Shabudin, Hieda, N. & Normalis Amzah. 2010. Bahasa Jepun sebagai bahasa asing di Universiti Kebangsaan Malaysia. Dlm. Ambigapathy Pandian, Murshidi Harun, Tan, H. T., Siti Noraini Jupri & Noraini Ali (pnyt.). *Panca Dimensi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa: Trend dan Amalan*, hlm. 117-127. Pulau Pinang: PenerbitUniversiti Sains Malaysia.

Muhammad Alif Redzuan. 2005. Sikap pelajar Cina terhadap pembelajaran bahasa Jepun di Universiti Putera Malaysia. Tesis Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Nakagawa, M. 2001. Motivations for the acquisition of Japanese as a second language: Trends found in adult learners. *Center for Student Exchange Journal* 4: 95-120.

Narita, T. 1998. The Relations between motivations and examination scores: The case of university students in Thailand. *Japanese-Language Education around the Global* 8: 1-11.

Neustupný, J. V. & Miyazato, S. 2002. *Gengo Kenkyuu no Houhou* (Kaedah Kajian Linguistik). Tokyo: Kurosio.

Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad. 2011. Hallyu di Malaysia: Kajian sosiobudaya. *Jurnal Komunikasi*, *Malaysian Journal of Communication* 27 (2): 203-219.

Oh, J. 2008. Characteristics and influences on Japanese language learners' image of the Japanese: a comparative analysis of Korean university student learners and non- learners. *Japanese-language education around the globe* 18: 35-55.

Oller, J. W., Hudson, A. J. & Liu, P. F. 1977. Attitudes and attained proficiency in ESL: A sociolinguistic study of native speakers of Chinese in the United States. *Language Learning* 27: 1–23.

Oxford, R. L. & Shearin, J. 1994. Language learning motivation: Expanding t he theoretical framework. *The Modern Language Journal* 78(1): 12-28.

Rajagopal, S. 1976. A study of the role of attitudes and motivation in the acquisition of English as a second language by fifth-form Malay medium pupils in Selangor. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Sakuragi, T. 2006. The relationship between attitudes towards language study

and cross- cultural attitudes. *International Journal of Intercultural Relations* 30: 19-31.

Takagishi, M. 2000. The relationship between the experience of study abroad and the motivation for studying Japanese: A case study of a short-term study abroad program of American students. *Journal of Japanese language teaching* 105: 101-110.

Teo Kok Seong. 1998. Sikap bahasa. *Pelita Bahasa* Januari 1998: 40-43.

Thaiyibah Sulaiman. 1999. Pendidikan bahasa Jepun di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Bunga Raya* April: 2-3.

The Japan Foundation. 2009. *Survey Report on Japanese-Language Education Abroad 2009*. Tokyo: The Japan Foundation.

The Japan Foundation. 2011. Nihongo kyouiku kunibetsu jouhou (Informasi pendidikan bahasa Jepun mengikut negara) 2010-Malaysia. http://www.jpf.go.jp/j/japanese/survey/country/2010/malaysia.html [29 September 2011]

Yamato, E., Roslina Mamat & Sanimah Hussin. 2010. Hubungan antara penggunaan budaya popular dan pembelajaran bahasa: Kajian kes pelajar bahasa Jepun di Universiti Putra Malaysia. Dlm. Lim Choon Bee, Mohd Azidan Abdul Jabar & Lim Sep Neo (pnyt.). *Pengajian Bahasa Asing di Malaysia*, hlm. 137-153. Serdang: UPM Press.

Yoshino, R., Zheng, Y. & Park, S. 2003. Asian peoples' views on Japanese. *The Japanese Journal of Behavior Metrics* 30(1): 31-52.